

Ruj. Kami : MQA 07/ Jld. 3 (19)  
Tarikh : 14 Oktober 2009

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 05/2009**

**TARIKH MULA PERAKUAN AKREDITASI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia telah menetapkan bahawa tarikh mula Perakuan Akreditasi adalah berdasarkan **tarikh penerimaan dokumen permohonan lengkap** Perakuan Akreditasi bagi sesuatu program.

3. Sehubungan dengan itu, tarikh yang akan dicetak pada sijil Perakuan Akreditasi bagi program yang akan mendapat Perakuan Akreditasi kelak adalah tarikh pihak Agensi menerima dokumen permohonan Perakuan Akreditasi yang lengkap daripada pihak IPT.

4. Ketetapan ini berkuatkuasa pada 18 Ogos 2009 dan melibatkan sijil Perakuan Akreditasi yang dikeluarkan selepas tarikh ini. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Sijil di talian 03-79687119/2203/6092.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang dihlas,  


**(DATU DR. SYED AHMAD HUSSEIN)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044  
No. Faks : 03-79569496  
E-mel : [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)